



**DPB50163 BUSINESS PROJECT**

**LAPORAN AKHIR**

***E-note* KONSEP PERNIAGAAN DALAM PERBANKAN ISLAM**

<b>NUR HANANI BINTI MOHD ROSLAN</b>	<b>10DIB19F1014</b>
<b>AMNAH BIBI BINTI ABD QADAR</b>	<b>10DIB19F1038</b>
<b>NUR NAMIRAH BINTI AHMAD IBRAHIM</b>	<b>10DIB19F1044</b>
<b>FAIZAH BINTI MOHD FAUZI</b>	<b>10DIB19F1046</b>
<b>NURNAZMIRA BINTI RAZALI</b>	<b>10DIB19F1214</b>

# SESI 1 2021/202

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
<b>PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR</b>	<b>I</b>
<b>PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR</b>	<b>II</b>
<b>PERAKUAN PELAJAR</b>	<b>III</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>IV</b>
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>V</b>
<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	2
1.2 Latar Belakang Kajian	3 - 5
1.3 Pernyataan Masalah	6 - 8
1.4 Objektif Kjian	9
1.5 Justifikasi Kajian	10 - 11
1.6 Skop Projek	12
1.7 Takrifan Istilah	13 - 15
1.8 Kepentingan Kajian	16
Rujukan	17 - 19
<b>BAB 2 : KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pendahuluan	20
2.2 Kajian-Kajian Lepas	20 -24
Rujukan	25

### **BAB 3 : METADOLOGI KAJIAN**

3.1 Pendahuluan	26
3.2 Reka Bentuk Kajian	27 – 44
3.3 Rujukan	45

### **BAB 4 : DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1 Pendahuluan	46
4.2 Dapatan Kajian/Pengujian	47 – 48
4.3 Perbincangan	49 - 52
4.4 Kos Penghasilan Projek	

### **BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pendahuluan	53
5.2 Kesimpulan	54 -55
5.3 Cadangan	56
5.4 Limitasi Projek	57
5.5 Rumusan	57

<b>RUJUKAN</b>	<b>57</b>
----------------	-----------

<b>LAMPIRAN</b>	<b>58 - 59</b>
-----------------	----------------

## **PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR**

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 *Business Project***, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

## **PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR**

Laporan projek ini yang bertajuk *E-note Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam* telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia: PUAN / ENCIK / DR.

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:






Nama Penyelaras: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF

Tandatangan Penyelaras:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

## PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan :   
Nama: NUR HANANI BINTI MOHD ROSLAN  
No. Pendaftaran: 10DIB19F1014
  
2. Tandatangan:   
Nama: AMNAH BIBI BINTI ABD QADAR  
No. Pendaftaran: 10DIB19F1038
  
3. Tandatangan:   
Nama: NUR NAMIRAH BINTI AHMAD IBRAHIM  
No. Pendaftaran: 10DIB19F1044
  
4. Tandatangan:   
Nama: FAIZAH BINTI MOHD FAUZI  
No. Pendaftaran: 10DIB19F1046
  
5. Tandatangan:   
Nama: NURNAZMIRA BINTI RAZALI  
No. Pendaftaran: 10DIB19F1214

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus **DPD50163 Business Project** yang bertajuk **Inovasi *E-note* Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam**, bagi Sesi 1 2021/2021.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek Puan Syafawati Bt Abu Bakar, penyelia bersama Dr. Khairul Bariyah Bt Othman, ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project, Inovasi *E-note* Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam** bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Terdapat 10 Konsep Perniagaan yang diguna pakai dalam Perbankan Islam iaitu Mudharabah, Murabahah, Musyarakah, Bai Bithaman Ajil, Wakalah, Bai salam, Qardhul Hassan, Ar Rahn, Ijarah dan Wadiah. Sebuah kajian telah dilakukan oleh pengkaji di Politeknik Seberang Perai. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa masalah yang sering dihadapi oleh pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam berkaitan mencari dan mendapatkan maklumat tentang Konsep Perniagaan yang diaplikasikan dalam Perbankan Islam dalam satu *platform* yang lengkap. Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji bertujuan untuk menghasilkan inovasi *E-note* yang mengumpulkan segala maklumat dalam satu *platform* tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam. Dalam penghasilan inovasi *E-note* ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah iaitu soal selidik, penggunaan Analisis SWOT serta pembacaan jurnal dan artikel. Dapatan analisis *E-note* ini dilakukan dengan menggunakan *platform* terkini iaitu *google form* dan telah mendapat sebanyak 100 orang responden yang terdiri daripada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam mengenai kesukaran mencari maklumat tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam. Kesimpulannya, pengkaji yakin penghasilan inovasi *E-note* ini dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah pencarian maklumat tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam secara sekali gus untuk digunakan sebagai rujukan dan memudahkan proses pembelajaran malah bukan sahaja itu ia juga dapat memberikan manfaat kepada orang ramai untuk mendapatkan pemahaman secara lebih terperinci tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam dengan mengaplikasikannya dalam kehidupan harian.

Kata kunci: *E-note*, perbankan Islam, konsep perniagaan.



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 PENDAHULUAN


Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, justifikasi kajian, skop kajian, takrifan istilah dan kepentingan kajian. Bab ini juga membincangkan tentang masalah pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam untuk mencari maklumat supaya menjadi satu *platform* bagi Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam.

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menjalankan kajian yang berkaitan dengan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam di bawah kursus DPD20032 FIQH MUAMALAT di Politeknik Seberang Perai. Pengkaji merupakan pelajar Politeknik Seberang Perai dan juga pelajar di bawah jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Fiqh Muamalat merupakan subjek yang memberikan penekanan tentang perhubungan antara sesama manusia untuk mendapatkan keperluan masing-masing dari segi pinjaman, pembiayaan dan sebagainya dengan cara yang baik dan sesuai dengan tuntutan agama serta perkara yang berlandaskan syarak. Oleh itu, kajian ini ditumpukan kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam kerana tajuk kajian ini mempunyai hubung kait dengan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat kajian dengan lebih terperinci mengenai masalah yang dihadapi oleh pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) dalam mencari maklumat yang menjadi *platform* terhadap Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam iaitu Mudharabah, Musyarakah, Murabahah, Bai Bithaman Ajil, Wadiah, Wakalah, Ar-Rahnu, Qardhul Hassan, Ijarah dan Bai Salam.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Perniagaan merupakan satu aktiviti pertukaran sama ada pertukaran barang dengan barang ataupun pertukaran barang dengan perkhidmatan. Menurut Kamal Khir, Lokesh Gupta dan Bala Shanmugam (2008), Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam membawa maksud setiap urus niaga dalam sistem perbankan sama ada dari segi kegiatan dagangan, kewangan dan sebagainya yang beroperasi mempunyai objektif yang sama dengan melaksanakan prinsip ekonomi dan prinsip kewangan Islam di dalam institusi Perbankan Islam. Di samping itu, segala jenis transaksi perniagaan perlulah dipraktikkan mengikut cara Nabi Muhammad SAW berdasarkan syariat Islam iaitu al-Quran dan al-Hadis sebagai contoh pertukaran yang adil di antara pihak-pihak yang terlibat.



Rajah 1.1 Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam

Rajah 1.1 di atas menunjukkan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam. Antaranya ialah perkongsian di antara seorang pemilik modal dan juga seorang pengusaha di bawah konsep Mudharabah. Dalam erti kata lain, pemilik modal ataupun pemberi modal dikenal pasti sebagai Rabbul Mal manakala pengusaha pula dikenali sebagai Mudarib iaitu yang menjalankan usaha niaga tersebut. Konsep yang seterusnya juga merupakan perkongsian tetapi berbeza daripada konsep Mudharabah iaitu Syarikah. Syarikah atau dikenali sebagai Musyarakah adalah suatu perkumpulan atau organisasi yang dianggotai orang-orang atau badan hukum yang bekerjasama dengan penuh kesedaran untuk meningkatkan kesejahteraan anggota atas dasar sukarela secara kekeluargaan (Hasan, 2003: 161). Namun begitu Musyarakah juga boleh dimaksudkan dengan perkongsian atau usaha sama (*partnership*) dalam menggabungkan aset, tenaga kerja atau liabiliti dengan tujuan bagi mendapatkan keuntungan.

Seterusnya ialah Murabahah. Murabahah merupakan suatu konsep yang sering digunakan oleh kebanyakan Perbankan Islam. Murabahah juga dikenali sebagai jual beli yang ditambah harga pokok dengan tambahan keuntungan (Al Zuhaili, 1984). Wakalah pula ialah pelantikan atau permintaan seseorang kepada orang lain untuk menjadi wakil dalam sesuatu perkara yang boleh diwakili atau dilaksanakan seperti menjadi ejen dalam menjalankan sesuatu kerja bagi pihak yang diwakilinya (Syadiq Sabiq, 2008).

Konsep yang seterusnya ialah Wadiah. Wadiah adalah titipan atau perwakilan oleh seseorang kepada seseorang sama ada individu ataupun badan hukum yang mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan mengembalikan semula suatu harta tersebut seandainya tuan empunya harta itu mengkehendakinya semula (Adiwarman A. Karim, 2004). Sebagai contoh ialah individu yang meletakkan wang ke dalam bank sebagai simpanan. Di samping itu, terdapat juga konsep jualan harga tertanggung iaitu di bawah kontrak Bai Bithaman Ajil. Urus niaga dibawah ini melibatkan proses penjualan antara penjual dengan pembeli di mana penyerahan barang disegerakan tetapi pembayaran ditangguhkan sehingga waktu atau tempoh yang telah ditetapkan (Lily Rahmawati Harahap, 2017).

Di samping itu ialah Ijarah, Qardhul Hassan, Bai Salam dan Ar Rahnu. Ijarah merupakan sewaan aset kepada orang lain dengan memperolehi pulangan. Menurut (Sutan Remy Syahdeini, 1999) Ijarah merupakan pemindahan hak penggunaan ke atas barang melalui pembayaran upah sewa tanpa berlakunya pemindahan kepemilikan ke atas sesuatu barangan tersebut. Qardhul Hassan merupakan salah satu ciri perbezaan antara bank syariah dan juga bank konvensional kerana mempunyai misi kemasyarakatan di dalamnya (Antonia, 2001: 188). Hal ini bermaksud memberikan pinjaman tetapi tidak mengenakan sebarang caj tambahan. Bai Salam pula ialah penjualan sesuatu barangan yang masih berada dalam tanggungan seseorang dan pembayaran yang dibuat dengan segera (Sayyid Sabiq : 118). Konsep yang terakhir ialah Ar Rahnu. Ar Rahnu merupakan skim pembiayaan yang bebas dari unsur riba dengan cara gadaian barang kemas sebagai cagar terhadap pinjaman (Nur Hayati Rasmin, 2014).

Terdapat juga beberapa isu yang timbul mengenai Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam antaranya ialah kebanyakan masyarakat pada masa kini yang belum mengetahui dengan mendalam tentang sistem perbankan syariah (Saiful Bahri, 2016). Tambahnannya lagi, hal ini kerana informasi dan juga promosi yang kurang mengemparkan mengakibatkan ramai

masyarakat yang tipis akan pengetahuan tentang sistem perbankan. Namun begitu, walaupun masih ada masyarakat yang sekilas mengetahui dan meyakini tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam seperti mahasiswa, kaum profesional dan sebagainya tetapi masih juga menjadi pertimbangan bagi mereka untuk menempatkan wang mereka (Saiful Bahri, 2016).

Timbulnya salah faham dalam kalangan masyarakat yang mengatakan kesemua bank sama ada konvensional mahupun bank syariah mempunyai kesamaan dan tidak mempunyai perbezaan dari segi pinjaman ataupun produk-produk yang ditawarkan (Mu'allim,2008;vi). Hal ini juga merupakan salah satu isu yang timbul berkenaan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam sekali gus boleh memberikan kelemahan kepada institusi Perbankan Islam. Oleh itu, untuk mengelakkan atau mengatasi isu-isu ini pengkaji berhasrat untuk menghasilkan *E-note* yang menjadi satu *platform* berkenaan dengan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam agar dapat melahirkan generasi yang mempunyai pengetahuan yang mendalam.

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Mempelajari kemahiran belajar yang sesuai merupakan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar yang ingin mencapai kejayaan yang cemerlang. Menurut Selmes (1987) kemahiran belajar adalah kemahiran yang membolehkan seseorang pelajar mencari, menilai, memilih, menyusun, menyimpan dan menyampaikan ilmu pengetahuan. Kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan dan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar DIB tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam dalam kursus yang dipelajari iaitu DPD 20032 FIQH MUAMALAT di Politeknik Seberang Perai.

Masalah yang sering dihadapi oleh pelajar DIB ialah pelajar mengalami kesukaran untuk membuat carian bagi mendapatkan semua maklumat tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam dalam satu *platform* yang lengkap. Disebabkan ini, pelajar perlu mengambil masa yang lama untuk melayari banyak laman sesawang untuk mendapatkan informasi yang lengkap kerana kebanyakannya hanya menyatakan secara serba sedikit dalam laman sesawang yang berasingan bagi setiap Konsep Perniagaan yang terdapat dalam Perbankan Islam. Ini menyukarkan pelajar untuk membuat rujukan sepanjang proses pembelajaran bagi mendapatkan pemahaman yang jelas.

Selain itu, pengkaji juga telah mendapatkan statistik bahawa pelajar DIB menghadapi masalah di mana pelajar sukar untuk mencari nota daripada semester lepas bagi setiap kursus yang diberikan oleh pensyarah sewaktu pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Ilmu berkaitan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam sangat penting kepada pelajar DIB kerana setiap semester kursus yang dipelajari selalunya berkait dengan tajuk pembelajaran dalam kursus yang lain. Oleh itu, dengan adanya *E-note* ini, pelajar dapat menjadikannya sebagai rujukan untuk semua kursus dan juga boleh digunakan untuk jangka masa yang panjang.

Di samping itu, pelajar-pelajar DIB juga mengalami masalah untuk membuat ulang kaji pada saat-saat terakhir apabila menjelang musim peperiksaan akhir. Jadi, pelajar akan berusaha mencari alternatif yang lebih cepat dan ringkas untuk membuat ulang kaji bagi menjimatkan masa kerana pelajar juga perlu membuat persediaan peperiksaan bagi kursus-kursus yang lain juga. Dengan perubahan gaya pembelajaran dengan *platform* yang canggih dan terkini seperti *E-note* ini adalah sangat digalakkan untuk menerapkan kefahaman dan dapat membantu pelajar ketika mengulang kaji pelajaran.

Dengan terhasilnya kajian dan inovasi yang akan dihasilkan daripada kajian ini, *E-note* ini akan dapat memudahkan lagi proses pembelajaran pelajar DIB bagi memperolehi semua maklumat yang diperlukan dalam satu *platform* yang lengkap dengan lebih padat dan ringkas. Pelajar DIB juga dapat menambahkan pemahaman dengan gambaran yang lebih jelas tentang setiap Konsep Perniagaan yang diaplikasikan dalam Perbankan Islam.

Jadual 1.1 Jadual di bawah menunjukkan masalah pelajar DIB tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai

MASALAH	1	2	3	4	5
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Membuat ulang kaji untuk peperiksaan pada saat terakhir	10%	11%	6%	24%	49%
Kesukaran mencari semula nota semester lepas setiap kursus	13%	9%	5%	16%	57%
Pelajar memahami semua konsep-konsep syariah yang diaplikasikan dalam Perbankan Islam	31%	29%	17%	3%	20%
<i>E-note</i> dapat memudahkan membuat rujukan dan menambahkan pemahaman			1%	6%	93%
Kesukaran membuat carian bagi mendapatkan maklumat Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam			4%	13%	
Pendapat pelajar jika <i>E-note</i> yang menggabungkan semua konsep-konsep syariah dalam Perbankan Islam diwujudkan dalam satu <i>platform</i> yang lengkap	1%			11%	88%

## 1.4 OBJEKTIF PROJEK

Projek ini dijalankan untuk

- 1) Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar DIB untuk mencari dan mendapatkan maklumat tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam secara sekali gus dalam satu *platform* yang lengkap.
- 2) Menghasilkan *E-note* yang dapat berfungsi sebagai satu *platform* yang mengumpulkan segala maklumat tentang Konsep Perniagaan yang dijalankan dalam Perbankan Islam.



## 1.5 JUSTIFIKASI PROJEK

Inovasi *E-note* ini merupakan nota digital berdasarkan perkembangan era teknologi masa kini. Hal ini dapat memberikan kemudahan kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat pembelajaran yang disediakan oleh pensyarah. Ini dapat menarik minat dalam kalangan pelajar untuk mengulang kaji pelajaran. *E-note* ini menyediakan maklumat yang lengkap dan tepat untuk pelajar. Oleh itu, *E-note* ini dapat dijadikan sebagai salah satu bimbingan untuk menyampaikan maklumat dan ilmu kepada para pelajar. Seterusnya pengkaji akan merancang suatu strategi, kaedah dan teknik yang akan digunakan dalam *E-note* ini untuk menarik minat pelajar. Dengan adanya kemudahan ini, sedikit sebanyak dapat membantu pelajar menjadi cekap dan teratur.

Inovasi *E-note* ini merupakan salah satu alat yang dapat membantu proses pembelajaran secara atas talian. Inovasi *E-note* ini diilhamkan berdasarkan kajian yang telah dilakukan. Selain itu, tajuk pembelajaran yang dipilih adalah di bawah jurusan pelajar berkaitan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam. Selain itu, *E-note* ini dapat memudahkan pelajar membawanya ke mana sahaja destinasi yang dituju dan membolehkan pelajar mengulang kaji pelajaran dengan pantas kerana notanya yang lengkap dan padat. Seterusnya, dapat menjimatkan kos kerana tidak perlu menyediakan kertas untuk mencetak malah lagi selamat kerana tidak akan berlakunya kerosakan atau keciciran. Justeru itu, inovasi ini memberikan faedah kepada pelajar agar boleh menjimatkan masa untuk membuat carian berkaitan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam dengan hanya membuka *E-note* ini untuk mencari keperluan pembelajaran dan bahan-bahan rujukan alternatif dan pelbagai yang mungkin tidak dapat diperolehi di dalam kelas. Oleh yang demikian, pengkaji menyediakan nota padat dan menarik agar tidak membosankan pelajar.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan tentang penggunaan *E-note* ini. Antaranya ialah, *E-note* ini memerlukan rangkaian internet ketika hendak membukanya. Jika sesuatu tempat tersebut tidak mempunyai rangkaian internet yang baik ini akan memberikan sedikit kesukaran kepada pelajar untuk mengakses *E-note* untuk mendapatkan bahan-bahan bagi memudahkan pembelajaran. Selain itu, tajuk yang terdapat dalam *E-note* ini terhad kepada pelajar jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan Islam sahaja kerana kursus yang dipelajari banyak berkait dengan tajuk *E-note* ini dan dapat menjimatkan masa untuk mencari bahan-bahan yang lengkap. Hal ini kerana, *E-note* lebih menumpu kepada pelajar untuk mengulang kaji pelajaran. Kajian yang dilaksanakan mempunyai kepentingannya yang tertentu. Begitu juga kajian ini pengkaji mengharapkan hasil dapatan kajian ini dapat menyumbang kemudahan kepada pelajar. Secara khususnya, kajian ini diharap dapat menambah baik keberkesanan pembelajaran pelajar di Politeknik Seberang Perai. Kajian ini memfokuskan kepada nota berkaitan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam.

Kaedah ini dapat meningkatkan kualiti pembelajaran. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengharapkan hasil kajian ini dapat memberikan manfaat bukan sahaja kepada pelajar malah dapat membantu pensyarah juga untuk dijadikan sebagai rujukan agar dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan melalui amalan refleksi sendiri dengan menjadikan pensyarah yang cemerlang sebagai contoh dengan tujuan dapat menjadikan asas kepada peningkatan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran pada masa akan datang.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu kepada pelajar-pelajar DIB di Politeknik Seberang Perai. Kajian ini secara umumnya tertumpu berkaitan masalah kesukaran mencari bahan ilmiah kerana perlu melayari pelbagai laman sesawang dan menggunakan masa yang lama. Tujuan kajian ini adalah untuk mengumpulkan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam dengan menggunakan kaedah *E-note* agar dapat menjimatkan masa pelajar untuk membuat carian maklumat tentang pembelajaran daripada semester satu. Seterusnya, *E-note* ini dapat menjadikan pelajar bebas untuk mengulang kaji sesuatu kursus yang tidak difahami pada bila-bila masa sahaja. *E-note* ini juga dapat menjelaskan secara ringkas berbanding buku teks dan mudah difahami. Selain itu, *E-note* ini dapat menggalakkan pelajar memfokuskan tajuk-tajuk yang penting kerana dengan adanya teknologi yang canggih kini semua maklumat dapat disampaikan dengan pantas.

Di samping itu, pelajar dapat menjimatkan kos perbelanjaan. Hal ini kerana, *E-note* secara percuma tidak perlukan sebarang bayaran dan terbuka khususnya khas kepada pelajar bidang Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai dan juga untuk semua Politeknik di seluruh Malaysia. Selain itu, *E-note* ini dapat menjimatkan kos kerana tidak perlu mencetak atau menggunakan dakwat pencetak yang mahal harganya di pasaran dan penggunaan kertas tidak digalakkan kerana kertas mudah tercicir dan sekiranya kertas tersebut terkena air penulisannya mudah hilang jadi dengan adanya *E-note* yang mesra pengguna ini maklumat akan sentiasa selamat dan teratur.

Maklumat *E-note* ini boleh diperoleh melalui kajian yang boleh dibuat melalui carian kata kunci pada enjin carian utama seperti Google. Kajian ini akan memfokuskan kepada pelajar pengajian yang terdiri daripada kursus Fiqh Muamalat di Politeknik Seberang Perai. Kajian ini meliputi 100 orang responden dengan menggunakan *platform* terkini iaitu “*google form*”. Dalam kajian ini pengkaji hanya mengkaji tentang Konsep Perniagaan dan produk-produk yang terdapat dalam Perbankan Islam . Aspek yang dikaji adalah mengenai tahap kefahaman terhadap Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam yang dijalankan. Selain itu, dapat mengenal pasti kesukaran mencari maklumat yang dihadapi oleh pelajar.

## 1.7 TAKRIFAN ISTILAH

### 1.7.1 Mudharabah

Dari segi bahasa Al Mudharabah adalah perkataan Mudharabah, Qirad atau Muqaradah adalah dimaksudkan memberikan sebahagian daripada modal kepada seseorang untuk diniagakan dengan syarat keuntungan akan dikongsi bersama secara adil. Dari segi istilah, Mudharabah adalah satu jenis kontrak perkongsian untung di mana modal dari satu pihak dan diusahakan oleh pihak yang lain. (Ab.Mumin Ab.Ghani, 1999)

### 1.7.2 Musyarakah

Musyarakah dari segi bahasa adalah “syarikat” di mana ia adalah satu percampuran salah satu harta yang lain sehingga tidak boleh dibezakan antara kedua-duanya. Menurut Wahbah al-Zuhaili (2005), jumhur ulama’ yang menggunakan istilah ini kepada kontrak yang khusus dengan syarikat untuk tidak berlakunya pencampuran antara dua bahagian saham kerana kontrak tersebut yang menyebabkan kepada pencampuran. Dalam erti kata lain, ia adalah satu akad perkongsian antara dua atau lebih pemilik modal untuk menjalankan satu projek perniagaan atau pelaburan di mana semua pihak bersetuju untuk menyumbang modal dan berkongsi untung atau rugi.

### 1.7.3 Murabahah

Menurut Suhendi (2002: 233), Murabahah adalah akad jual beli barang pada harga pokok dengan tambahan keuntungan yang dipersetujui dan dilaksanakan dalam satu transaksi dengan Wakalah. Di samping itu, murabahah adalah menjual harta benda yang dimiliki dengan harga pokok yang dipersetujui oleh semua pihak. Ia mensyaratkan bahawa barang yang dijual adalah dimiliki sepenuhnya oleh penjual. (Abidin, 1992: 132-135).

#### 1.7.4 Bai Bithaman Ajil

Dari segi bahasa Bai Bithaman Ajil dapat melihat tiga perkataan yang berbeza. Bai bererti jual beli, Thaman bererti harga dan Ajil bererti tempoh atau secara bertahap. Pengertian bahasa yang dapat diketahui bahawa Bai Bithaman Ajil adalah jual beli dengan pembayaran secara tempoh atau bertahap. Sehubungan dengan itu, Bai Bithaman Ajil dari segi istilah adalah pembiayaan akad jual beli iaitu satu perjanjian pembiayaan yang disepakati oleh bank Islam, di mana bank Islam akan menyediakan wang untuk satu pelaburan atau perniagaan. (Muhammad, 2000).

#### 1.7.5 Wadiah

Perkataan Wadiah berasal dari kata *wada' a asy-syai' a* adalah meninggalkan sesuatu. Wadiah adalah sesuatu yang ditinggalkan oleh seseorang kepada orang lain untuk dijaga atau kepada yang mahu menjaganya. (Veithzal Rivai, 2010). Dari segi istilah Wadiah adalah sesuatu yang diletakkan di tempat orang lain untuk menjaganya. (Wahbah az-Zuhaili, 2011).

#### 1.7.6 Wakalah

Wakalah berasal daripada *wazn wakalah-yakilu-wakalan* yang bererti perlindungan, penyerahan atau memberi kuasa. Wakalah adalah satu akad yang menurut kaedah Fiqh Muamalat adalah akad yang dapat diterima. (Hendi Suhendi, 2002). Selain itu, Wakalah atau disebut *wakalah bil-ujrah* bersifat mengikat dan tidak boleh dibatalkan oleh satu pihak sahaja. (Sri Nurhayati- Wasilah, 2014).

#### 1.7.7 Ar Rahn

Ar Rahn bererti menahan terhadap sesuatu barang dengan hak sehingga dapat dijadikan sebagai pembayaran dari barang tersebut. (Rahmat Syafi'i, 2000). Selain itu, Ar Rahn juga disebut sebagai jaminan, agunan dan runtuhan. Menurut dalam Islam, Ar Rahn merupakan sifat saling tolong-menolong bagi umat Islam. (Nasrun Haroen, 2000).

### 1.7.8 Qardhul Hassan

Menurut dari Ascarya (2007), Qardhul Hassan merupakan pinjaman tanpa bunga. Akad ini merupakan akad pinjaman kebajikan yang diberikan kepada nasabah untuk pinjaman wang mahupun pinjaman untuk modal usaha dimana sumber dana yang dipinjamkan dari dana zakat, infaq, sedekah, hibah dan lain-lain.

### 1.7.9 Bai Salam

Bai Salam dalam Bahasa Arab dikenali dengan istilah *aslama ats-tsauba lilkhiyah* bermaksud memberikan atau menyerahkan sesuatu untuk dilaksanakan. Turut diketahui sebagai menyerahkan wang terlebih dahulu sebelum menerima barang dagangan. (Mardani, 2012). Selain itu, istilah yang lain mengatakan bahawa Bai Salam adalah jual beli dimana wang harga barang tersebut dibayarkan secara tunai manakala barangnya pula belum wujud, hanya sifat, jenis dan ukurannya sudah diketahui pada waktu perjanjian dilakukan. (Ahmad Wardi Muslich, 2013).

## 1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini secara umumnya memberi kepentingan kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam dari aspek, mereka dapat menjimatkan masa untuk mencari maklumat tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam iaitu Mudharabah, Musyarakah, Murabahah, Bai Bithaman Ajil, Wadiah, Wakalah, Ijarah, Ar Rahnu, Qardhul Hassan dan Bai Salam secara sekali gus dalam satu *platform* dengan menggunakan *link* yang disediakan oleh pengkaji. Oleh itu, *link* tersebut boleh didapati daripada Pensyarah di Politeknik Seberang Perai atau daripada media sosial iaitu di *Facebook* Politeknik Seberang Perai. Selain itu, Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam yang berbentuk *E-note* ini akan dapat memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam kerana semua maklumat di dalam *E-note* ini secara sekali gus, jadi ini akan menjadi mudah kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam untuk menggunakannya.

Oleh itu, kepentingan yang kedua adalah dari aspek, memberi banyak pendedahan kepada masyarakat untuk kefahaman tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam dengan lebih mendalam. Seterusnya, masyarakat juga akan dapat memahami dengan lebih jelas tentang definisi, ciri-ciri, fungsi, rukun, dan lain-lain lagi yang dinyatakan di dalam *E-note* ini iaitu berkaitan semua tentang Mudharabah, Musyarakah, Murabahah dan lain-lain. Selain daripada itu, masyarakat juga boleh mendapatkan *link E-note* ini daripada media sosial iaitu di *Facebook* Politeknik Seberang Perai dengan mudah.

Di samping itu, kepentingan ketiga adalah, semua sumber di dalam *E-note* ini akan memudahkan pengkaji akan datang untuk membuat pencarian tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam dan pengkaji akan datang juga boleh menggunakan semua informasi di dalam *E-note* ini untuk pembelajarannya. Dengan adanya *link* yang disediakan oleh pengkaji ini yang berfungsi sebagai satu *platform E-note*, ia juga dapat menyelesaikan masalah pengkaji akan datang dalam memahami isu berkenaan perniagaan dalam islam ini dengan menggunakan informasi yang dinyatakan di dalam *E-note* tersebut.

## RUJUKAN

*Akta Universiti dan Kolej Universiti; Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia, Statut Universiti Pertanian Malaysia (Lembaga Kediaman Pelajar) 1978.* Ppuu.upm.edu.my. (1978). Retrieved 29 April 202.

Daeng, P. S. P. (1998, September 1). *Kolej Kediaman Pelajar*. Portal Rasmi Politeknik Seberang Perai - Portal Rasmi Politeknik Seberang Perai. [http://www.psp.edu.my/pspweb/index.php?option=com\\_content&view=article&layout=edit&id=220&lang=en](http://www.psp.edu.my/pspweb/index.php?option=com_content&view=article&layout=edit&id=220&lang=en).

Mohd Asmedi Bin Yaacob, & Zurina Binti Yasak. (2008, October 22). *Pengaruh Penginapan ke Atas Disiplin Pelajar Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Microsoft Word - Pengaruh Penginapan ke Atas Disiplin Pelajar Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Tn. Hj. Wan Zulkifly Bin Wan Zakaria (BPPel) (Ed.). (2018, March 1). *BUKU GARIS PANDUAN PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN POLITEKNIK MALAYSIA*. 258-buku-garis-panduan-pengurusan-kolej-kediaman-malaysia. <https://ptsb.mypolycc.edu.my/index.php/ms/diisiplin-pelajar/send/80-diisiplin-pelajar/258-buku-garis-panduan-pengurusan-kolej-kediaman-politeknik-malaysia>.

Mua' Ilim, Amir, 2008, Lima Aspek Ekonomi Islam Yang Diragukan, dalam, Tim Penulis MSI, **Menjawab Keraguan Berekonomi Syariah**, Yogyakarta, MSI dan Safiria Insania Press, cet. INoor, ZainulBahar, 2006, **Bank Muamalat; Srbuah Mimpi, Harapan dan Kenyataan**, Jakarta, Bening Publishing.

Hasan, M. Ali. 2003. *Berbagai Macam Transaksi dalam Islam*, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.



Sayyid Sabiq, *Fiqhus Sunnah dalam Muhammad Syafi'i* Antonio, Bank Syariah dari Teori ke Praktik, (Jakarta : Gema Insani, 2008) hlm. 120-121.

Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah* (Kuwait: Dar al-Bayan,t.t), h. 118.

Al Zuhaili, Wahbah. 1984. *Fiqh Islam Wa Adilatuhu*. Lebanon: Dar al Fikri.

Ab.Mumin Ab.Ghani. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Lily Rahmawati, Harahap. 2017. *Jemasi Jurnal Ekonomi Manajemen dan Akuntansi*, Indonesia: IBA University Palembang.

Sutan Remy Syahdeini, *Perbankan Islam dan kedudukannya dalam Tata Hukum Indonesia*, (Jakarta: Grafiti, 1999), h.28

Antonio, Muhammad Syafii. 2001b. *Bank Syariah: Dari Teori ke Praktik*. Penerbit: Gema Insani, Jakarta.

Kamal Khir, Lokesh Gupta dan Bala Shanmugam (2008), *Islamic Banking: A Practical Perspective*, Petaling Jaya: Pearson Malaysia, h. 2.

Adiwarman A. Karim, "Bank Islam, Analisis Fiqih dan Keuangan", Jakarta : PT. Raja Grafindo Persada, Tahun 2004, hlm. 23

Rasmin, Nur Hayati, and Ruzian Markom. 2014. "An Overview on Implementation of Ar-Rahnu in Malaysia." In *Prosiding PERKEM IX*, , 561–70

Saiful, Bahri. 2016. *Mengapa Masyarakat Masih Enggan Dengan Bank Syariah, Selangor: Syariah Bengkalis Sungai Alam-Bengkalis-Riau*.

Wahbah al-Zuhaili. (2005). *Fiqh dan Perundangan Islam: Jilid IV*.

Suhendi, Hendi. (2002). *Fiqh Muamalah*. Jakarta: RajaGrafindo Persada.

Ibnu Abidin Muhammad Amin. (1992). *Jilid V. Beriut*: Dar al-Fikr.

Muhammad. (2000). *Sistem dan Prosedur Operasional Bank Syariah*. Yogyakarta: UII Press.

- Veithzal Rivai. (2010). *Islamic Financial Management*. Bogor: Ghalia Indonesia.
- Wahbah az-Zuhaili. (2011). *Fih Islam Wa Adillatuhu*. Jakarta: Gema Insani.
- Hendi Suhendi. (2002). *Fiqh Muamalah*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Sri Nurhayati- Wasilah. (2014). *Akuntansi Syariah di Indonesia*. Jakarta: Salemba Empat.
- Rahmat Syafi'i. (2000). *Fiqh Muamalah*. Bandung: Pustaka Setia.
- Nasrun Haroen. (2000). *Fiqh Muamalah*. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Ascarya. (2007). *Akad & Produk Bank Syariah*. Jakarta: PT. RajaGrafindo Persada.
- Mardani. (2012). *Fiqh Emonomi Syariah: Fiqh Muamalah*. Jakarta: Kencana.
- Ahmad Wardi Muslich. (2013). *Fiqh Mualat*. Jakarta: AMZAH

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang bersangkutan paut dengan topik kajian ini, iaitu *E-note* Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam. Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur yang merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan kajian.

#### **2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS**

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Berdasarkan tinjauan penyelidik, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan dengan *E-note* Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam.

##### **2.2.1 Kajian Berkaitan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam**

Terdapat lima kajian berkenaan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam yang ditemui oleh penyelidik. Kajian oleh Rahmat Ilyas (2015) menyatakan Perniagaan dalam Perbankan Islam yang berkaitan dengan pembiayaan merujuk kepada istilah di mana pembiayaan yang diberikan oleh suatu pihak yang dikenali sebagai Rabbul Mal kepada pihak lain yang dikenali sebagai Mudarib iaitu merupakan pihak yang menjalankan usaha niaga yang telah dirancang sama ada secara sendirian ataupun secara berkumpulan. Hal yang dinyatakan ini adalah merujuk kepada konsep Mudharabah ataupun konsep Musyrakah di mana dalam erti kata lain pembiayaan yang diberikan merupakan dana yang dikeluarkan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk menjayakan usaha niaga yang telah dilakukan. Dana ataupun pembiayaan yang

diberikan tersebut perlulah digunakan dengan jujur, adil dan perlulah memenuhi syarat-syarat serta saling menguntungkan kedua-dua belah pihak tidak kiralah sewaktu menggunakan apa-apa konsep di bawah Perbankan Islam tersebut. Tambahan lagi setiap Perbankan Islam yang beroperasi dalam pelaksanaan pembiayaan perlulah mengikut syariah yang telah ditetapkan sama ada dari segi keuntungan dan operasi dalam pembiayaan.

Seterusnya, menurut Suwandi, Muhammad Hakimi Shafiai, Wan Nasyrudin Abdullah (2016) Perniagaan yang berasaskan al-Quran dan al-Hadis telah dibuktikan sejak zaman Rasulullah SAW sehingga membawakan Rasulullah SAW dan para sahabat kepada suatu kejayaan yang berasaskan perniagaan. Tambahan lagi, ia juga membawa kejayaan kepada masyarakat Islam pada masa itu kepada perekonomian yang maju. Secara rasionalnya umat Islam digalakkan berniaga mengikut syariah, namun pemahaman yang kurang jelas terhadap perniagaan Islam membuatkan kebanyakan orang membatasi perniagaan sama ada secara perbankan dan juga kewangan. Perniagaan dalam perbankan ini membawa maksud suatu urusan sama ada dari segi kegiatan dagangan dan kewangan serta sistem perbankan yang menghubungkan di antara pengeluaran dan pertukaran sama ada barang atau perkhidmatan dengan cara meletakkan wang daripada individu, usahawan, kerajaan dan sebagainya dalam suatu risiko tertentu serta usaha tertentu dengan tujuan yang utama iaitu adalah untuk mendapatkan keuntungan. Oleh itu, kajian Konsep Perniagaan Islam sangat penting untuk difahami oleh masyarakat agar dapat seiringan dengan prinsip-prinsip asas perniagaan dan juga etika perniagaan yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Selain itu, kajian oleh Saidatolakma Yunus, Zuraidah Kamaruddin dan Rahimah Embong (2018) menyatakan Perbankan Islam perlu menjalankan aktiviti perniagaan yang mematuhi syariah secara sepenuhnya. Sebagai contoh setiap daripada konsep apa pun yang digunakan Perbankan Islam yang beroperasi perlulah tidak melibatkan dengan perkara yang melanggar syariah seperti riba, gharar dan maisir. Dalam erti kata lain Perbankan Islam tidak dibenarkan menambahkan faedah dalam mana-mana konsep yang ditawarkan di bawah Perbankan Islam.

Di samping itu, menurut kajian Mohamad Azmi Abdullah dan Mohd Fauzi Hussin (2020) di dalam Islam, setiap aktiviti yang dilakukan dalam kehidupan setiap muslim perlulah meletakkan keutamaan kepada elemen yang mematuhi syariah kerana Perbankan Islam dan juga konvensional mempunyai perbezaan daripada aspek pematuhan syariah. Kajian ini dilakukan adalah untuk menyelidik beberapa konsep yang berkaitan dengan kewangan Islam mengikut syariah. Antara konsep dalam Islam yang ingin diselidik ialah konsep perlindungan, pinjaman, jaminan, perwakilan (wakalah).

Akhir sekali kajian oleh Taufik Kurrohman (2020) menyatakan segala operasi yang dijalankan perlulah berdasarkan prinsip-prinsip syariah. Prinsip syariah atau nama lain Maqasid Syariah merupakan suatu hal yang memang tidak dapat dipisahkan daripada konsep yang ada dalam Perbankan Islam. Hasil dari penelitian menunjukkan semua akad pembiayaan yang mengikut syariah di dalam Perbankan Islam adanya keadilan dalam keseimbangan iaitu dari segi risiko dan manfaat yang diperoleh daripada kedua-dua pihak yang menjalankan perniagaan.

### 2.2.3 Kajian Berkaitan Keberkesanan E-note

Terdapat lima kajian yang dilakukan oleh pengkaji berkaitan dengan *E-note*. Antaranya ialah menurut IfAniza Ibrahim dan Azmi Mohammad (2019) *E-note* merupakan salah satu aplikasi ataupun penghasilan yang dikenali sebagai *mobile learning* yang dibangunkan dengan tujuan bagi memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran. Dengan penghasilan *E-note* ini, ia dapat membantu serta memudahkan terutamanya kepada para pelajar untuk mengulang kaji pelajaran mereka. Tambahan lagi, dengan zaman yang semakin maju ini *mobile learning* telah pun menjadi salah satu bahan inovasi yang digunakan kerana mempunyai penghasilan yang kreatif, inovatif serta interaktif.

Selanjutnya, menurut Syed Lamsah Syed Chear (2017) inovasi *E-note* adalah kaedah pendidikan hari ini secara terkini dan moden iaitu bersifat global. Hal ini kerana, kebolegunaan *E-note* adalah bergantung kepada tahap kelajuan internet yang rangkaianannya

mudah dicapai dan diujung jari. Manakala persekitaran pembelajaran inovasi *E-note* pula menekankan pembangunan dan kemajuan pesat setelah teknologi diterapkan dalam sistem pendidikan di Malaysia telah memberi peluang kepada pelajar bermotivasi dan mempelajari dengan lebih mendalam. Dengan kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) menjadikan orang ramai di pelusuk dunia semakin terkait antara satu sama lain dalam satu dunia tanpa sempadan. Inovasi *E-note* ini dilaksanakan di mana sahaja tanpa dibatasi had, tempat dan waktu. Oleh yang demikian, sering dikaitkan kepada pencapaian hasil pembelajaran sekali gus melahirkan graduan yang kreatif, inovatif dan kebolehpasaran.

Seterusnya, menurut Shahfiezul & Fariza (2015) *E-note* menyampaikan maklumat dengan cepat, tepat dan berkesan, meningkatkan lagi minat pelajar dalam pembelajaran serta menggalakkan ahli komuniti menggunakan teknologi. Hal ini, kerana *E-note* mudah untuk diakses dalam telefon bimbit dan pelajar pada zaman kini merupakan generasi Z (Gen-Z) yang lahir pada tahun 1995 dan mula mengenal tentang teknologi semenjak kecil lagi (Aminudin Mohamedet al. 2019). Kebanyakan pelajar sudah mahir dalam teknologi pada zaman kini. Pelajar dapat mengulang kaji pelajaran dengan adanya telefon bimbit. *E-note* dapat memudahkan urusan pelajar untuk mencari maklumat serta mengulang kaji.

Sehubungan dengan itu, menurut Roslinda Murad (2018) inovasi *E-note* merupakan aplikasi teknologi baru dalam teknik pembelajaran yang berfungsi untuk membantu para pelajar, pengkaji akan datang dan orang ramai dalam mencari infomasi serta dapat mengulang kaji pelajaran. Selain itu, ciptaan inovasi *E-note* ini dapat menukar cara hidup masyarakat masa kini dan kehidupan menjadi lebih mencabar dan berdaya saing. Oleh itu, *E-note* ini dibina untuk mengumpulkan semua nota yang dihasilkan oleh pengkaji dan ia dapat memudahkan para pelajar untuk memuat turun nota pada bila-bila masa serta menjimatkan masa pelajar untuk mengulang kaji pelajaran.

Akhir sekali, menurut kajian Siti Azura Binti Abu Hassan, Suzana Binti Zainol Abidin dan Zulkurnain Bin Hassan (2021), aspek pembelajaran dan pengajaran turut terkesan akibat daripada pandemik COVID-19. Proses pembelajaran dan pengajaran di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi tetap terus berjalan kerana pembelajaran bersemuka kini boleh digantikan dengan pembelajaran maya. Dengan itu, pembelajaran dan pengajaran dalam talian (e-pembelajaran) telah diaplikasikan sebagai alternatif kepada kaedah pembelajaran secara bersemuka semasa kuliah agar pembelajaran dapat dijalankan. Dengan penggunaan e-pembelajaran bukan sahaja bertujuan untuk menilai keberkesanan malah halangan yang dihadapi oleh pelajar semasa menjalankan proses pembelajaran dan pengajaran melalui e-pembelajaran.

## **RUJUKAN**

Taufiq, Kurrohman. 2020. Akad Pembiayaan Syariah Yang Sesuai Dengan Maqasid Syariah Dalam Perbankan Syariah, Fakultas Hukum Universitas Pamulang.

Suwandi, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2016), Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 3 Bil 2.

Saidatolakma Mohd Yunus, Zuraidah Kamaruddin dan Rahimah Embong. (2018). Konsep Perbankan Islam Dari Pandangan Dunia Islam, Vol. 8, No. 11, 2018, Pg. 539 - 550.

Rahmat, Ilyas. 2015. Konsep Pembiayaan dalam Perbankan Syariah, Jurnal Penelitian, Vol. 9, No. 1.

Mohamad Azmi Abdullah & Mohd Fauzi Hussin. 2020. Jurnal Inovasi Perniagaan Volume 5 No. 1/ 2020: 43-55.

Ifaniza Ibrahim, Azmi Mohammad. (2019). Penggunaan E-note Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus. Sarawak : Politeknik Mukah.

Siti Azura Binti Abu Hassan, Suzana Binti Zainol Abidin dan Zulkarnain Bin Hassan. (2021). Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat.

SYED CHEAR, SYED LAMSAH. 2017. Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta. JURNAL PENDIDIKAN MALAYSIA 42.87-97. doi:10.17576/jpen-2017-42.02-02

Shahfiezul dan Fariza (2015) , Pembelajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) dalam institusi



## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan dengan lebih mendalam tentang maklumat penghasilan inovasi iaitu *E-note* Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam secara sekali gus berkenaan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah penyelidikan yang digunakan ini membawa maksud kepada reka bentuk kajian iaitu perancangan atau pelan sistematik yang diguna pakai dalam menentukan cara sesuatu penyelidikan itu dilakukan.

Tambahan lagi, di bawah kaedah penyelidikan ini akan menerangkan tentang kaedah tinjauan awal keperluan kajian dan produk inovasi yang menerangkan berkaitan dengan peringkat awal bagi mengenal pasti isu kajian serta produk inovasi yang bakal dihasilkan tersebut dapat memenuhi keperluan pengguna. Seterusnya, di bawah reka bentuk kajian ini akan diterangkan juga berkaitan dengan kaedah atau prosedur teknik penghasilan projek seperti cara penghasilan produk, pemilihan aplikasi dan sebagainya.

Di samping itu, bahan dan peralatan yang diguna pakai sewaktu menjalankan proses penghasilan projek juga akan diterangkan di bawah reka bentuk kajian serta akhir sekali iaitu berkaitan dengan kaedah analisis data yang menguna pakai analisis SWOT juga akan diterangkan di bawah reka bentuk kajian.

## 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan cara sesuatu penyelidikan dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata (berdasarkan produk/inovasi) dan data dikumpulkan dalam bentuk kualitatif (pembangunan produk) dan kuantitatif (soal selidik). Selain itu, tinjauan awal (*survey*) juga dijalankan di peringkat awal kajian bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data.

### 3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian dan Produk Inovasi

Kaedah tinjauan keperluan kajian dijalankan di peringkat awal bagi mengenal pasti isu kajian dan produk inovasi yang akan dihasilkan sama ada memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna. Tinjauan awal dijalankan ke atas 100 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar DIB. Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik. Berikut adalah dapatan analisis tinjauan keperluan yang dilakukan oleh pengkaji. Contoh soal selidik yang diedarkan kepada pelajar adalah dalam bentuk *link google form* untuk mengenal pasti masalah utama yang dihadapi oleh pelajar-pelajar DIB di politeknik Seberang Perai iaitu bagi mendapatkan segala maklumat tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam dalam satu *platform* yang lengkap. Dapatan daripada soal selidik telah dikeluarkan dalam bentuk graf dan jadual secara ringkas.



Rajah 3.1

Berdasarkan rajah 3.1 di atas boleh dilihat peratusan pelajar-pelajar DIB yang sering mengulang kaji pelajaran untuk peperiksaan pada saat-saat akhir. Dari soal selidik yang telah dilakukan ini sebanyak 49% responden sangat setuju dengan membuat ulangkaji peperiksaan pada saat terakhir 24% responden setuju, 6% responden kurang setuju, 11% responden tidak setuju dan 10% responden sangat tidak setuju. Hal ini telah menunjukkan bahawa lebih ramai pelajar setuju dengan soalan ini kerana memang agak sukar untuk melihat pelajar yang membuat persediaan awal untuk menghadapi peperiksaan.



Rajah 3.2

Berdasarkan rajah 3.2 di atas ini menunjukkan peratusan pelajar-pelajar DIB yang mengalami kesukaran untuk mencari nota-nota semester lepas yang telah diberi oleh pensyarah semasa kuliah. Dapatan yang dapat dilihat secara majoriti iaitu sebanyak 57% responden berasa sukar untuk mencari semula nota semester lepas bagi setiap kursus untuk dijadikan sebagai rujukan. Manakala 16% responden setuju, 5% responden kurang setuju, 9% responden tidak setuju dan 13% responden sangat tidak setuju dengan ini. Ramai pelajar DIB berasa sukar untuk dapatkan nota semester lepas kerana bukan semua pelajar yang akan menyimpan semua nota yang telah diberikan oleh pensyarah kerana setelah selesai peperiksaan akhir semester pelajar menjadi leka dan akan meletakkannya di merata tempat dan selepas memasuki semester baru pelajar akan mula mencari semula semua nota untuk digunakan dan dijadikan sebagai rujukan untuk kursus yang lain kerana apa yang dipelajari oleh pelajar DIB selalunya berkait dgn kursus-kursus yang lain.



Rajah 3.3

Rajah 3.3 di atas pula menunjukkan peratusan pelajar DIB yang memahami semua Konsep Perniagaan yang diaplikasikan dalam Perbankan Islam. Daripada hasil yang kita dapat lihat ialah sebanyak 31% responden sangat tidak setuju bahawa Pelajar DIB memahami semua konsep-konsep syariah yang diaplikasikan dalam Perbankan Islam, 29% responden tidak setuju, 17% kurang setuju, 3% responden setuju dan 20% responden sangat setuju. Peratusan yang ditunjukkan majoriti pelajar tidak memahami dan mengetahui semua kerana tidak mempunyai kaedah mudah yang dapat menggabungkan semua Konsep Perniagaan yang diguna pakai dalam Perbankan Islam dalam satu *platform* lengkap, dan ini akan menyebabkan pelajar DIB mengambil masa lama untuk mencari setiap satu konsep.



Rajah 3.4

Rajah 3.4 menunjukkan peratusan pelajar-pelajar DIB bahawa *E-note* tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam ini dapat memudahkan untuk membuat rujukan dan menambahkan lagi pemahaman. Daripada dapatan ini, sebanyak 93% responden sangat setuju dengan soalan ini, sebanyak 6% responden setuju dan baki 1% responden menyatakan kurang setuju. Dengan wujudnya inovasi kajian yang akan dihasilkan ini dapat memudahkan pelajar-pelajar DIB untuk menjadikannya sebagai rujukan dan juga untuk menerapkan lagi pemahaman dengan lebih jelas dan terperinci tentang Konsep yang terdapat dalam Perbankan Islam.



Rajah 3.5

Rajah 3.5 pula menunjukkan peratusan pelajar DIB yang mengalami kesukaran untuk membuat carian bagi mendapatkan semua maklumat tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam. Oleh itu, peratusan yang banyak dapat dilihat di atas ialah sebanyak 83% responden sangat setuju dan sebanyak 13% responden setuju dengan ini bahawa memang benar pelajar DIB menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat tetapi sebanyak 4% responden kurang setuju dengan ini. Jika *E-note* yang merangkumi semua maklumat dihasilkan sudah semestinya dapat memudahkan pelajar-pelajar DIB dan tidak perlu melayari banyak laman sesawang tetapi dengan hanya satu *link E-note* yang akan diberi kepada pelajar untuk mengakses bagi mendapatkan semua maklumat.



Rajah 3.6

Akhir sekali Rajah 3.6 menunjukkan peratusan tentang pendapat pelajar-pelajar DIB adakah perlu atau tidak jika *E-note* yang menggabungkan semua konsep-konsep syariah diwujudkan dalam satu *platform* yang lengkap. Dari kajian ini, sebanyak 88% responden sangat setuju, 11% responden setuju dan baki 1% responden sangat tidak setuju. Secara Kesimpulannya, dengan pengumpulan data yang telah dilakukan dapat dilihat bahawa penghasilan inovasi kajian yang akan dihasilkan ini adalah sangat digalakkan malah penting untuk dijadikan sebagai rujukan bukan sahaja sekarang tetapi akan berguna untuk masa hadapan juga, pengkaji juga yakin dan percaya bahawa inovasi kajian ini akan dapat memberikan manfaat kepada semua orang yang menggunakannya kerana dapat menerapkan ilmu pengetahuan dan pemahaman yang lebih jelas dan terperinci tentang Konsep Perniagaan yang diaplikasikan dalam Perbankan Islam.



Jadual 3.2.2 Jadual di bawah menunjukkan analisis soal selidik yang telah dilakukan oleh pengkaji.

	SOALAN	1	2	3	4	5
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Adakah anda sering membuat ulang kaji untuk peperiksaan pada saat terakhir?	10%	11%	6%	24%	49%
2	Adakah anda mengalami kesukaran mencari semula nota semester lepas setiap kursus?	13%	9%	5%	16%	57%
3	Sebagai pelajar anda memahami semua konsep-konsep syariah yang diaplikasikan dalam Perbankan Islam.	31%	29%	17%	3%	20%
4	Adakah anda berasa <i>E-note</i> tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam ini dapat memudahkan untuk membuat rujukan dan menambahkan lagi pemahaman anda?			1%	6%	93%
5	Adakah anda mengalami kesukaran untuk membuat carian bagi mendapatkan maklumat Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam?			4%	13%	83%
6	Apakah pendapat anda jika <i>E-note</i> yang menggabungkan semua konsep-konsep syariah dalam Perbankan Islam diwujudkan dalam satu <i>platform</i> yang lengkap?	1%			11%	88%

### 3.2.2 Kaedah/Prosedur Teknik Penghasilan Projek

Proses pembangunan inovasi ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolegunaan inovasi dalam suatu jangka masa yang lama. Selain itu, inovasi juga harus seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Tambahan pula, fasa ini juga melibatkan aplikasi atas talian yang perlu diambil kira bagi menghasilkan inovasi yang mampu menarik minat pengguna untuk menggunakannya. Justeru itu, fasa reka bentuk merupakan fasa untuk merangka reka bentuk inovasi *E-note* yang dijadikan sebagai rujukan pelajar.

#### Langkah 1

Langkah pertama pembangunan inovasi ini dimulakan dengan perbincangan kandungan menghasilkan inovasi bersama ahli kumpulan.




Rajah 3.1: Perbincangan kandungan menghasilkan inovasi bersama ahli kumpulan

Rajah 3.1 menunjukkan perbincangan kandungan menghasilkan inovasi bersama ahli kumpulan. Perbincangan ini juga melibatkan pemberian pendapat oleh setiap para pengkaji untuk menghasilkan inovasi ini dengan menggunakan Microsoft Teams. Hal ini kerana, pandemik Covid-19 yang menyebabkan pengkaji berada di rumah masing-masing ketika

proses penghasilan inovasi *E-note* ini. Walau bagaimanapun, ini tidak menjejaskan penghasilan inovasi *E-note* yang hanya menggunakan teknologi terkini.

## Langkah 2

Langkah ke-2 pembangunan inovasi ini adalah pemilihan aplikasi untuk menghasilkan inovasi *E-note*.



Rajah 3.2: Pemilihan aplikasi untuk menghasilkan inovasi *E-note*

Pada era teknologi berkembang pesat ini, terdapat pelbagai aplikasi yang dapat digunakan untuk membantu pengkaji dalam menghasilkan inovasi *E-note*. Oleh itu, rajah 3.2 menunjukkan pemilihan aplikasi untuk menghasilkan inovasi *E-note*. Pengkaji harus membuat keputusan dalam pemilihan aplikasi yang akan digunakan untuk menghasilkan inovasi *E-note* ini agar proses inovasi *E-note* ini dapat berjalan dengan lancar. Seterusnya, pengkaji telah membuat keputusan untuk memilih beberapa aplikasi yang akan digunakan. Pengkaji memilih aplikasi yang sering digunakan oleh orang ramai antaranya ialah *Canva* dan *Anyflip* yang popular. Justeru itu, pemilihan aplikasi ini akan memberikan impak yang besar. Hal ini kerana, dapat menggalakkan pelajar mengulang kaji pelajaran apabila inovasi *E-note* ini menarik.

### Langkah 3

Pengkaji melakukan proses pencarian maklumat yang berkaitan dengan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam.




Rajah 3.3: Proses pencarian maklumat berkaitan dengan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam.

Rajah 3.3 menunjukkan proses pencarian maklumat yang telah diagihkan. Pengkaji menggunakan beberapa kaedah sewaktu membuat proses pencarian maklumat seperti mendapatkan maklumat daripada jurnal, nota-nota lama, laman sesawang dan artikel. Setelah kesemua maklumat tersebut diperoleh dan dikumpulkan di dalam satu dokumen, pengkaji akan mengolahnya menjadi lebih ringkas dan mudah difahami serta untuk mengelakkan plagiat.

## Langkah 4

Setelah langkah ke-3 siap dilakukan, pengkaji akan memasukkan semua maklumat yang diperoleh ke dalam aplikasi *Canva*.




Rajah 3.4: Memasukkan semua maklumat yang diperoleh kedalam aplikasi *Canva* dan memuat turun setelah siap.

Rajah 3.4 menunjukkan semua maklumat yang diperoleh oleh pengkaji dimasukkan ke dalam aplikasi *Canva* untuk membuat pengubahsuaian dari segi warna, corak dan memuat turun setelah siap. Memandangkan aplikasi *Canva* mempunyai banyak pilihan untuk menjadikan sesuatu nota itu nampak lebih menarik. Hal ini kerana pemilihan warna ataupun corak memainkan peranan penting bagi menarik minat pembaca.

## Langkah 5

Setelah siap melakukan langkah yang ke-4, pengkaji akan memasukkan inovasi *E-note* yang telah dihasilkan ke dalam aplikasi *Anyflip*.




Rajah 3.5: Memasukkan inovasi *E-note* yang telah dihasilkan ke dalam aplikasi *Anyflip* dan mendapatkan *link* serta *QR code* setelah siap.

Rajah 3.5 menunjukkan inovasi *E-note* yang telah dihasilkan dimasukkan ke dalam aplikasi *Anyflip* untuk menjadikan inovasi *E-note* ini seperti sebuah buku tetapi berbentuk digital dan mendapatkan *link* yang telah diberikan setelah siap. Hal ini bermaksud aplikasi *Anyflip* membolehkan sebuah nota menjadi seolah-olah buku yang nyata dan boleh dibawa kemana-mana tanpa menggunkan tenaga kerana ia hanya perlu menekan *link* ataupun *QR code* sahaja untuk mendapatkan nota tersebut.

## Langkah 6

Seterusnya, pengkaji mengenal pasti sama ada *link* atau *QR code* tersebut boleh digunakan ataupun tidak dengan cara membuat soal selidik serta memberikan *link* dan *QR code* terhadap pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.



TINDAK BALAS PENGGUNAAN INOVASI E-NOTE

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

Sign in to Google to save your progress. [Learn more](#)

Inovasi E-note ini membantu untuk mendapatkan maklumat tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam dengan lengkap dan pantas.

Sangat Setuju

Setuju

Kurang Setuju

Tidak Setuju

Sangat Tidak Setuju

Inovasi E-note ini dapat memudahkan mengulang kaji pelajaran dan dibawa ke mana sahaja.

Rajah 3.6: Membuat soal selidik serta memberikan *link* dan *QR code* kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.

Rajah 3.6 Menunjukkan soal seldik yang diajukan kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam dan percubaan *link* serta *QR code* oleh mereka. Hal ini adalah untuk mendapatkan maklum balas mengenai inovasi yang telah dihasilkan sama ada inovasi tersebut perlu dibuat penambahbaikan ataupun inovasi yang sangat membantu mereka.

### 3.2.2 Bahan dan Peralatan

Pengkaji telah menggunakan bahan dan peralatan untuk membangunkan inovasi *E-note* ini seperti jadual di bawah:

Bil	Perkara	Fungsi
1.	Komputer Riba	Digunakan bertujuan bagi melakukan penghasilan inovasi <i>E-note</i> ini untuk menyimpan data yang menjadi pilihan orang ramai kerana mudah untuk dibawa kemana-mana disebabkan bentuknya yang nipis dan ringan jika dibandingkan dengan komputer meja (PC).
2.	<i>Microsoft Word</i>	Untuk membuat dokumen dengan mudah menjadi lebih praktikal dan kemas jika dibandingkan dengan tulisan tangan.
3.	<i>Adobe Acrobat</i>	Mencetak data dalam Format Dokumen Mudah Alih atau dikenali sebagai PDF. PDF atau Format Dokumen Mudah Alih juga dibangunkan oleh “ <i>Adobe Systems</i> ” untuk mengecilkan ukuran supaya tulisannya tidak bergerak.
4.	Aplikasi <i>Anyflip</i>	Sebuah <i>platform</i> yang menawarkan bagi menciptakan nota digital seperti buku. Prosesnya sangat mudah dengan memuat naik fail yang dijadikan bahan nota digital dalam bentuk fail PDF ke dalam <i>AnyFlip</i> . Bahan nota berasaskan digital sedia untuk digunakan serta diedarkan kepada pelajar dengan hanya satu <i>link</i> .
5.	Aplikasi <i>Canva</i>	Aplikasi ini mempunyai reka bentuk yang menarik dalam talian yang mudah digunakan dan terdapat beberapa reka bentuk yang percuma. Selain itu,



		<i>Canva</i> juga boleh diakses melalui desktop dan peranti mudah alih. Dengan cara itu, <i>E-note</i> dapat dihasilkan dengan kreatif pada bila-bila masa dan di mana sahaja.
6.	<i>Microsoft Powerpoint</i>	<i>Microsoft Powerpoint</i> adalah sebagai alat untuk memudahkan bagi membuat pembentangan dalam bentuk yang menarik dengan ciri audio, video, imej dan animasi serta <i>template</i> yang akan digunakan. Selain itu, menyediakan bahan pembelajaran agar mudah difahami.

### 3.2.3 Kaedah Analisis Data

Analisis SWOT adalah singkatan daripada *Strenghts* (Kekuatan), *Weaknesses* (Kelemahan), *Opportunities* (Peluang) dan *Threats* (Ancaman) dimana SWOT dijadikan sebagai suatu model dalam menganalisis suatu organisasi dengan tujuan utama untuk mengetahui keadaan organisasi tersebut secara lebih menyeluruh. (Irham Fahmi, 2015). Menurut Sofjan Assauri (2013), dalam analisis data ini terdapat dua analisis iaitu analisis perusahaan dalaman dan analisis perusahaan luaran. Analisis perusahaan dalaman tersebut digunakan untuk ditakrifkan sebagai analisis perusahaan yang kuat dan lemah, manakala analisis perusahaan luaran digunakan untuk peluang dan ancaman perusahaan. Oleh itu, pengkaji dapat mengambil bahawa analisis SWOT merupakan salah satu kaedah untuk menyelesaikan suatu masalah projek yang berdasarkan analisis perusahaan dalaman dan luaran iaitu *Strenghts*, *Weaknesses*, *Opportunities*, dan *Threats*.

Sehubungan dengan itu, analisis yang pertama ialah *Strenghts* (Kekuatan). Menurut Sondang P. Siagian (1995), Kekuatan merupakan sumber daya yang dikendalikan oleh syarikat atau bagi suatu perusahaan yang membuatkan perusahaan keutamaan lebih relatif jika dibandingkan dengan pesaingnya dalam memenuhi keperluan pelanggan. Kekuatan adalah kecekapan dan sumber daya yang tersedia bagi perusahaan. Kekuatan yang terkandung dalam sumber daya kewangan, kepimpinan perusahaan, hubungan antara pembeli dan penjual dan faktor-faktor lain. Faktor-faktor kekuatan yang dimiliki oleh suatu organisasi adalah kecekapan khusus yang terdapat dalam organisasi akibat pada pemilikan keutamaan oleh unit usaha di pasaran. Berdasarkan inovasi *E-note* ini, kekuatan yang terdapat pada *E-note* ini ialah mudah bagi pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam untuk mendapatkan semua informasi tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam secara sekali gus melalui *link* yang akan diberikan oleh pengkaji dan ia juga memudahkan pelajar membawanya ke mana sahaja destinasi yang dituju untuk mengulang kaji pelajaran. Selain itu, ia juga mudah digunakan oleh pengkaji akan datang untuk mengkaji tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam melalui *link* yang disediakan.

Dalam pada itu, analisis yang kedua ialah *Weaknesses* (Kelemahan). Kelemahan merupakan kekurangan atau batasan dalam sumber daya pada suatu perusahaan terhadap pesaingnya dalam memenuhi keperluan pelanggan secara lebih berkesan. Kelemahan yang terdapat dalam suatu perusahaan atau organisasi yang menyebabkan batasan atau kekurangan dalam perkara sumber, kemahiran dan kemampuan yang menjadi penghalang bagi organisasi yang memuaskannya. Seterusnya, kelemahan tersebut terlihat dari kemudahan dan infrastruktur yang dimiliki, kemampuan pengurusan yang rendah, kemahiran pemasaran yang tidak sesuai dengan tuntutan pasaran, produk yang tidak diminati atau kurang diminati oleh para pengguna dan meningkatkan perolehan keuntungan yang kurang memadai. (Fred, R. David, 2011). Berdasarkan inovasi *E-note* ini, terdapat kelemahannya iaitu apabila menggunakan *E-note* ini memerlukan internet yang pantas bagi mengakses *E-note* ini dengan mudah. Di samping itu, *E-note* ini juga menjurus kepada pelajar jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan Islam sahaja supaya dapat memudahkan pelajar mencari bahan-bahan yang lengkap tentang Konsep Perniagaan yang diaplikasikan dalam Perbankan Islam.

Seterusnya, analisis yang ketiga ialah *Opportunities* (Peluang) yang merupakan situasi penting yang menguntungkan dalam lingkungan perusahaan atau organisasi. Kecenderungan utama merupakan salah satu sumber peluang. Mengidentifikasi pasaran yang diabaikan adalah perubahan dalam syarat persaingan, perubahan teknologi serta hubungan baik antara pembeli dan pembekal dapat memberikan peluang bagi perusahaan atau organisasi. (Sondang P. Siagian, 1995). Berdasarkan inovasi *E-note* ini, terdapat peluang kepada pengkaji. Pengkaji juga dapat menambah ilmu pengetahuan dengan lebih lanjut tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam untuk masa akan datang.

## **RUJUKAN**

Irham Fahmi (2015). *Manajemen Strategis Teori dan Aplikasi*. 260.

Sondang P. Siagian (1995). *Manajemen Strategi*, 172.

Sedarmayanti (2014). *Manajemen Strategi*. Bandung: PT Refika Aditama.

Fred, R. David (2011). *Manajemen Strategik*. Jakarta: Salemba Empat.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan berkaitan dapatan kajian atau pengujian daripada inovasi *E-note* yang dihasilkan. Di bawah dapatan kajian atau pengujian ini akan menerangkan mengenai projek jenis nyata yang menggunakan kaedah analisis SWOT dan analisis keberkesanan produk. Seterusnya bab ni juga menyatakan perbincangan yang berkaitan dengan kelebihan, kekurangan, masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk ataupun erti kata lainnya ialah impak produk iaitu impak terhadap kos, masa dan penggunaan produk. Akhir sekali, bab ini juga akan membincangkan berkaitan dengan kos penghasilan projek berdasarkan bahan-bahan yang diperlukan sewaktu melakukan proses penghasilan produk.

#### 4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN

##### 4.2.1 Projek Jenis Nyata

##### a) Analisis SWOT

Kajian ini menggunakan analisis SWOT sebagai instrumen untuk menganalisis dapatan kajian yang telah dilakukan.

##### 1. *Strenghts* (Kekuatan)

- Kekuatan inovasi *E-note* ini ialah mudah bagi pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, masyarakat dan pengkaji akan datang untuk mendapatkan semua informasi tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam secara sekali gus melalui *link*.

- Selain itu, kekuatan inovasi *E-note* ini adalah mudah untuk pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, masyarakat dan pengkaji akan datang membawanya ke mana sahaja destinasi yang dituju untuk mengulang kaji pelajaran dengan hanya melalui *link*.

## 2. *Weaknesses* (Kelemahan)

- Kelemahan bagi inovasi *E-note* ini ialah para pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, masyarakat dan pengkaji akan datang perlulah memastikan kepastian internet untuk mengakses *E-note* tersebut.
- Kelemahan inovasi *E-note* ini juga adalah ia lebih menjurus kepada pelajar yang berjurusan Diploma Kewangan dan Perbankan Islam sahaja. Tetapi bagi pengkaji akan datang dan masyarakat masih boleh mendapatkan informasi tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam ini bagi menambah ilmu pengetahuan.

## 3. *Opportunities* (Peluang)

- Peluang yang ada di dalam inovasi *E-note* ini adalah pengkaji juga dapat menambah ilmu pengetahuan dengan lebih lanjut tentang Konsep Perniagaan yang diaplikasikan dalam Perbankan Islam untuk masa akan datang.

## 4. *Threats* (Ancaman)

- Ancaman yang terdapat dalam inovasi *E-note* ini ialah pengkaji akan datang atau masyarakat boleh mengambil semua informasi tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam secara *copy & paste* yang merupakan salah satu perbuatan plagiat.

Sehubungan dengan itu, Analisis SWOT ini mampu memberikan gambaran suatu perusahaan atau organisasi dari empat sudut iaitu *Strengths* (Kekuatan), *Weaknesses* (Kelemahan), *Opportunities* (Peluang), dan *Threats* (Ancaman). Oleh itu, pengambil keputusan dapat melihat dari empat analisis ini dengan lebih menyeluruh. Selain itu, Analisis SWOT ini dapat dijadikan sebagai rujukan membuat rancangan untuk keputusan jangka masa panjang.

**b) Analisis Keberkesanan Produk**

Analisis keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 40 orang responden. Sebanyak 4 item soalan telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas tentang produk inovasi *E-note* ini.

Jadual 4.1: Dapatan analisis keberkesanan produk inovasi *E-note*.

Bil	Item soalan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
1.	Inovasi <i>E-note</i> ini membantu untuk mendapatkan maklumat tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam dengan lengkap dan pantas.			10%	90%
2.	Inovasi <i>E-note</i> ini dapat memudahkan mengulang kaji pelajaran dan dibawa ke mana sahaja.			12.5%	87.5%
3.	Inovasi <i>E-note</i> ini dapat mengurangkan kos dari segi mencetak nota untuk dijadikan sebagai rujukan.			12.5%	87.5%
4.	Pencapaian Inovasi <i>E-note</i> ini memerlukan rangkaian internet yang baik.			82.5%	17.5%

### 4.3 PERBINCANGAN

Kelebihan semasa membangunkan produk ialah mendapat maklum balas daripada pelajar melalui *google form* dengan baik. Mendapati inovasi *E-note* ini perlu dilaksanakan untuk membantu pelajar supaya lebih memahami Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam. Hal ini kerana, pelajar dapat untuk mengulang kaji pelajaran dengan lebih mudah. Selain itu, membangunkan inovasi *E-note* ini hanya memerlukan kos yang rendah. Kelemahan semasa membangunkan inovasi *E-note* ialah memerlukan pencarian maklumat yang banyak untuk menghasilkan *E-note* yang ringkas dan padat.

Semasa membangunkan produk terdapat beberapa masalah yang dihadapi iaitu dari segi masalah internet yang kadang-kadang agak lemah. Hal ini kerana, semasa membangunkan produk ini, pengkaji dalam keadaan yang tidak dapat untuk membuat kajian di luar. Oleh disebabkan berlakunya pandemic COVID-19. Pengkaji hanya dapat membuat kajian dengan menggunakan maklum balas melalui *google form* dan tidak dapat dilakukan secara bersemuka.

#### 4.3.1 IMPAK PRODUK

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak dari inovasi *E-note* yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut subtopik perbincangan.

##### a) **Impak Produk Inovasi *E-note* Terhadap Kos**

Impak produk inovasi *E-note* terhadap kos dapat dilihat dengan kemajuan teknologi yang canggih zaman kini di mana segala maklumat dapat dicapai di hujung jari sahaja. Inovasi *E-note* ini merupakan nota ringkas secara digital yang dihasilkan untuk menggantikan buku teks. Inovasi *E-note* ini bertujuan mengumpulkan maklumat yang lengkap tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam supaya menjadi satu *platform* yang mudah dicapai oleh orang ramai. Tambahan pula, penghasilan produk inovasi *E-note* ini tidak memerlukan kos yang tinggi dan hanya perlu menyediakan rangkaian internet yang baik agar mudah dicapai. Inovasi *E-note* ini lebih murah berbanding buku teks kerana tidak perlu mengeluarkan kos



untuk pencetakan dan kertas. Oleh itu, ini dapat menjimatkan kos kerana pelajar tidak perlu membeli buku untuk mendapatkan maklumat yang lengkap.

**b) Impak Produk Inovasi *E-note* Terhadap Masa**

Impak produk inovasi *E-note* terhadap masa dapat dilihat dengan pencarian maklumat yang lengkap secara pantas. Hal ini kerana, penggunaan inovasi *E-note* tidak perlu menggunakan pelbagai laman sesawang demi mencari maklumat berkaitan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam tetapi dengan hanya membuat carian kata kunci maklumat. Ciri-ciri inovasi *E-note* ini yang membolehkannya mencari kata kunci maklumat agar maklumat yang dicari dapat dengan lebih pantas dan tepat. Seterusnya, ciri-ciri inovasi *E-note* ini dapat menjimatkan masa sekali gus dapat memberikan manfaat kepada pelajar.

Jadual 4.1 : Jadual impak produk inovasi *E-note* terhadap masa

BUTIRAN	SEBELUM	SELEPAS
Masa Pencarian Maklumat Secara Manual	1 jam	30 Minit
Menggunakan Inovasi <i>E-note</i>	5 Minit	-

**c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk**

Impak terhadap keberkesanan penggunaan produk inovasi *E-note* dapat dilihat dengan kemudahan dan kecekapan. Impak produk inovasi *E-note* ini mudah dibawa dan dikendalikan di merata tempat tanpa beban yang berat. Hal ini kerana, data elektronik, saiz dan berat inovasi *E-note* ini adalah jauh lebih ringan jika dibandingkan dengan buku bercetak yang berada di pasaran. Selain itu, *E-note* ini juga dapat memudahkan banyak pihak seperti pelajar DIB mahupun pensyarah sekali gus masyarakat. Disebabkan impak terhadap keberkesanan penggunaan produk inovasi *E-note* ini jauh lebih ringkas, tahan lama dan tidak mudah rosak.

Jadual 4.2 : Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk

<b>ASPEK</b>	<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>
Kecekapan	Memuaskan	Amat Baik
Kemudahan	Memuaskan	Amat Baik

#### 4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK

Kos penghasilan projek diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan input yang diperlukan di dalam proses untuk menghasilkan produk inovasi *E-note* tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam.

Jadual 4.3:

<b>BIL.</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>KOS (RM)</b>
1.	Tambah nilai internet setiap bulan	RM40.00
	Jumlah Kos untuk 4 bulan	RM160.00

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan kesimpulan dan cadangan hasil kajian inovasi produk *E-note* tentang Konsep Perniagaan yang diaplikasikan dalam Perbankan Islam yang telah dibangunkan bagi menyelesaikan isu pelajar-pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) yang mengalami kesukaran untuk mencari dan mendapatkan semua maklumat berkaitan Konsep Perniagaan yang terdapat dalam Perbankan Islam dalam satu *platform* yang lengkap untuk dijadikan sebagai bahan rujukan pembelajaran kerana kebanyakan laman sesawang hanya menerangkan setiap Konsep Perniagaan secara ringkas dan berasingan. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu, analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

#### 5.2 KESIMPULAN

Kesimpulannya, penghasilan inovasi *E-note* dapat dicapai dengan baik. Hasil daripada kajian melalui *google form*, pengkaji mendapati objektif inovasi *E-note* ini tercapai. Hasil daripada kajian yang menggunakan *google form* inovasi *E-note* ini dapat memudahkan pelajar yang mengambil jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan Islam untuk mengulang kaji pelajaran berkaitan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam.

Semasa menjalankan produk inovasi, pengkaji hanya dapat berbincang melalui *platform Microsoft Teams*. Hal ini kerana, terdapat wabak Covid-19. Pengkaji hanya dapat menjalankan produk inovasi ini melalui *platform online* yang sedia ada. Seterusnya, pengkaji juga turut menggunakan *google form* untuk mendapat maklum balas berkaitan inovasi *E-note* yang dihasilkan. Dengan ini, pengkaji dapat mengetahui bahawa objektif dalam inovasi *E-note* ini

dapat dicapai atau tidak. Justeru, *link google form* untuk soal selidik diberikan kepada pelajar-pelajar melalui *whatsapp*.

Selain itu, hasil dari dapatan kajian menggunakan analisis keberkesanan SWOT (*strength, weakness, opportunities and threats*). Terdapat pelbagai kekuatan, kelemahan, peluang serta ancaman semasa penghasilan produk inovasi *E-note*. Pertama sekali ialah peluang, inovasi *E-note* ini dapat diluaskan dengan adanya rangkaian internet. *E-note* ini memudahkan pelajar untuk membawa ke mana-mana sahaja. Kedua ialah kelemahan, terdapat juga kelemahan inovasi *E-note* kerana ia memerlukan internet untuk memuat turun nota. Ketiga ialah peluang, pengkaji juga dapat menambah ilmu pengetahuan dengan lebih lanjut. Akhir sekali ialah ancaman, pengkaji lain boleh mengambil informasi ataupun melakukan aktiviti plagiat tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam untuk dijadikan sebagai kajian mereka sendiri.

### **5.3 CADANGAN**

Hasil daripada kajian ini terdapat beberapa cadangan yang diberikan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Antara pihak tersebut adalah pelajar, masyarakat dan pengkaji pada masa akan datang.

#### **5.3.1 Cadangan kepada responden utama kajian**

Penggunaan inovasi *E-note* dapat meningkatkan tahap kemahiran teknologi para pelajar supaya melahirkan generasi yang berkaliber dan kreatif pada masa hadapan. Seterusnya, pelajar mestilah menggunakan inovasi *E-note* sebagai satu *platform* mengulang kaji pelajaran kerana mudah untuk difahami dan dapat membantu pelajar membuat persediaan awal ketika menjelang peperiksaan akhir.

### **5.3.2 Cadangan kepada masyarakat**

Dalam era kemajuan teknologi kini, masyarakat perlu membina komuniti dalam talian dengan penyebaran maklumat secara pantas. Di samping itu, masyarakat mestilah mengambil inisiatif meningkatkan sistem pengurusan agar dapat memberikan kesedaran kepada orang ramai dengan membina kredibiliti sosial.

### **5.3.3 Cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang**

Cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang adalah dengan membesarkan skop kajian iaitu dengan meliputi pelajar- pelajar Politeknik di seluruh Malaysia. Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan manfaat kepada pensyarah kerana secara tidak langsung ia dapat meningkatkan pelaksanaan penyampaian maklumat dengan berkesan. Pengkaji masa akan datang juga boleh menggunakan *platform* ini sebagai penyimpanan maklumat yang telus dengan mengambil kira kaedah analisis data yang lebih kompleks. Untuk membangunkan rangkaian akademik yang merangkumi konteks penyelidikan juga dapat dilaksanakan pada masa hadapan menerusi kajian selanjutnya.

## 5.4 LIMITASI PROJEK

Projek yang dijalankan hanya berfokuskan kepada Konsep Perniagaan yang digunakan dalam Perbankan Islam. Skop projek ini hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Oleh sebab itu, terdapat beberapa faktor yang menghalang pengkaji untuk mengkaji secara menyeluruh berkenaan kajian bagi menghasilkan *E-note* yang menjadi satu *platform* bagi Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam. Faktor yang pertama ialah dari segi masa. Pengkaji perlu mengambil masa yang agak lama untuk mencari maklumat-maklumat berkaitan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam. Bukan sahaja itu, pengkaji juga perlu mengolah ayat tersebut mengikut bahasa yang lebih mudah difahami dan memastikan supaya tiada unsur plagiat yang digunakan.

Seterusnya, adalah kekangan dari faktor teknologi. Sangat penting bagi pengkaji untuk mempunyai teknologi seperti komputer riba dan internet yang stabil sepanjang melakukan proses penghasilan inovasi *E-note* ini. Hal ini kerana, inovasi *E-note* yang dihasilkan ini adalah dengan menggunakan aplikasi *Canva* dan juga *Anyflip* yang memerlukan untuk mengakses internet apabila hendak menggunakannya. Di samping itu, faktor yang menghalang pengkaji untuk mengkaji adalah disebabkan pandemik Covid-19. Hal ini memberikan sedikit halangan kepada pengkaji untuk membuat temu bual dengan lebih jelas daripada pelajar-pelajar dan maklumat yang didapatkan tidak begitu memuaskan kerana pengkaji tidak boleh bergerak terlalu banyak bagi mendapatkan maklumat berkaitan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam.


## 5.5 RUMUSAN

Berdasarkan dapatan kajian jelas didapati bahawa Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam adalah sumber daripada al-Quran dan al-Hadis yang dicontohkan oleh Nabi Muhammad SAW telah terbukti membawa baginda dan para sahabat kepada suatu kejayaan perniagaan. Sebelum mengakhiri kajian ini, pengkaji ingin menekankan bahawa kajian inovasi iaitu *E-note* Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam ini telah mencapai matlamat, menjawab persoalan dan memenuhi kesemua objektif kajian yang telah ditetapkan dari awal kajian. Hasil kajian juga merumuskan dapatan pengkaji kepada pelajar-pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam dengan lebih terperinci mengenai masalah mencari maklumat berkenaan Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam iaitu Mudharabah, Musyarakah, Murabahah, Bai Bithaman Ajil, Wadiah, Wakalah, Ar-Rahnu, Qardhul Hassan, Ijarah dan Bai Salam. Oleh itu, kesemua objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji telah tercapai bagi menghasilkan produk inovasi *E-note* ini kepada para pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, masyarakat dan pengkaji akan datang.



## LAMPIRAN

### a) Borang Soal Selidik

<p><b>KONSEP PERNIAGAAN DALAM PERBANKAN ISLAM</b></p> <p>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</p> 	<p>Adakah anda mengalami kesukaran untuk membuat carian bagi mendapatkan maklumat tentang Konsep Perniagaan dalam Perbankan Islam ?</p> <p>1 2 3 4 5</p> <p>Sangat Tidak Setuju ○○○○○ Sangat Setuju</p> <p>Adakah anda sering membuat ulangkaji peperiksaan pada saat terakhir?</p> <p>1 2 3 4 5</p> <p>Sangat Tidak Setuju ○○○○○ Sangat Setuju</p>
--	---

<p>Sebagai pelajar anda memahami semua konsep-konsep syariah yang diaplikasikan dalam Perbankan Islam ?</p> <p>1 2 3 4 5</p> <p>Sangat Tidak Setuju <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> Sangat Setuju</p>	<p>Apakah pendapat anda jika E-note yang menggabungkan semua konsep-konsep syariah dalam Perbankan Islam ini diwujudkan dalam satu platform yang lengkap?</p> <p>1 2 3 4 5</p> <p>Sangat Tidak Setuju <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> Sangat Setuju</p>
<p>Adakah anda mengalami kesukaran untuk mencari semula nota semester lepas setiap kursus ?</p> <p>1 2 3 4 5</p> <p>Sangat Tidak Setuju <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> Sangat Setuju</p>	<p>Adakah anda berasa E-note tentang Kosep Perniagaan dalam Perbankan Islam ini dapat memudahkan untuk membuat rujukan dan menambahkan lagi pemahaman anda?</p> <p>1 2 3 4 5</p> <p>Sangat Tidak Setuju <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> Sangat Setuju</p> <p><input type="submit" value="Submit"/> <input type="button" value="Clear"/></p> <p>docs.google.com</p>

**b) Link Inovasi E-note**

<https://anyflip.com/jgfnx/hpqf/>